

Dr. Mahathir: Hasrat Pas memerintah negara hanya mimpi

JITRA 2 Mei — MAY 2002

— Hasrat Pas untuk memerintah negara ini hanya satu mimpi dan impian yang tidak akan menjadi kenyataan, kata Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, berdasarkan prestasi yang ditunjukkan oleh UMNO kini, Pas dilihat tidak mempunyai peluang untuk memenangi pilihan raya umum akan datang.

Sebaliknya Dr. Mahathir menyifatkan dakwaan pembangkang pimpinan Datuk Fadzil Noor bahawa mereka mampu menyapu bersih semua kerusi pada pilihan raya umum akan datang, hanya angan-angan kosong.

Jelas beliau, jumlah kerusi yang dimenangi oleh Pas pada pilihan raya lalu juga masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan kerusi yang diperolehi UMNO.

"Kononnya pilihan raya akan datang mereka akan sapu bersih, itu angan-angan Mat Jenin," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan

UMNO bahagian Kubang Pasu di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Nyior di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, keyakinan beliau itu berdasarkan kecenderungan anggota parti pembangkang untuk menyertai UMNO kebelakangan ini setelah sadar Pas bukanlah parti Islam sebenar.

"Banyak orang Melayu telah sedar dan kembali kepada UMNO dan pada masa yang sama pula sokongan bukan Melayu kepada kerajaan juga kini semakin meningkat," ujar beliau.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri mengingatkan ahli-ahli UMNO agar tidak mengabaikan tugas mereka untuk mengenal pasti bakal-bakal pengundi di kawasan masing-masing.

Sambil memberi contoh gerak kerja 10 yang dijalankan oleh Pergerakan Wanita UMNO, beliau menyeru ahli-ahli Pemuda agar turut bergiat cergas dalam usaha menarik sokongan rakyat.

"Ingatlah perjuangan kita

belum selesai, banyak lagi kerja yang perlu dibuat, kerja UMNO tidak pernah habis," katanya.

Dr. Mahathir berkata, beliau kurang senang dengan perkembangan yang menyebabkan terdapat ahli-ahli UMNO menyekat kemasukan ahli baru terutamanya profesional di kalangan generasi muda.

Beliau turut mengimbas kembali tentang dirinya yang pernah dihalang daripada menyertai UMNO kerana profesion sebagai seorang doktor menimbulkan kekhuatiran di kalangan pemimpin yang ada.

Dr. Mahathir menegaskan, usaha untuk menarik lebih ramai anggota dalam UMNO perlu ditingkatkan walaupun parti menyasarkan peningkatan keanggotaan sebanyak 10 peratus di setiap bahagian.

Mengenai jawatan Perdana Menteri yang menjadi rebutan, beliau berkata, tuhan akan menentukan kedudukan seseorang itu mengikut kelayakan mereka.

"Oleh itu, janganlah taksub hendak menjadi Perdana Menteri. Jawatan Perdana Menteri hanya satu sahaja.

"Masa jual goreng pisang di Pekan Rabu, Alor Setar saya tak terfikir pun nak jadi wakil rakyat dan Perdana Menteri," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr. Mahathir turut menarik perhatian bahawa kegagalan negara-negara Islam bangun menentang musuh mereka adalah disebabkan wujudnya kumpulan yang sengaja melakukan kekacauan dalam negara itu sendiri.

Sambil menyamakan kumpulan itu seperti Pas, katanya, kewujudan kumpulan-kumpulan yang disifatkan sebagai "menikam dari belakang" ini lebih rela melihat negara mereka hancur daripada berjuang untuk mempertahankannya.

Pada majlis itu, Dr. Mahathir turut merasmikan Dewan Darul Qiyam, SMK Pulau Nyior dan sistem pengu-rusan maklumat pengundi daerah.